

**TEKS UCAPAN  
YANG DIPERTUA MPSP  
MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH ANUGERAH  
SEKOLAH HIJAU 2015  
AUDITORIUM MPSP, BANDAR PERDA  
03 NOVEMBER 2015 (SELASA), JAM 3:00 PETANG**

---

**Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas &  
Tebatan Banjir

**Yang Dihormati Ahli Majlis – Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Sr Haji Rozali B. Haji Mohamud**

Tuan Setiausaha Perbandaran

**Yang Berusaha Puan Sohana Kasim**

Manager Human Relation  
Continental Automotive Malaysia Sdn Bhd

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Para Guru & Para pelajar**

**Rakan-rakan Media**

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin yang dihormati sekalian,

.....

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam sejahtera dan selamat petang kepada semua.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin-Nya dapat kita bersama-sama hadir dalam Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Sekolah Hijau 2015 pada petang ini. Terlebih dahulu saya bagi pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Y.B. Chow Kon Yeow, Encik Yen Siew San dan semua yang hadir pada pagi ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

1. Anugerah Sekolah Hijau yang diadakan adalah bertujuan mengurangkan sisa buangan, penjimatan sumber, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Program ini telah berlangsung sejak tahun 2010 dan sejak daripada itu ia telah ditaja dan dianjurkan bersama Continental Automotive Components Malaysia Sdn Bhd. Ucapan terima kasih kepada Continental Automotive Components Malaysia Sdn Bhd kerana menjadi penaja kepada Anugerah Sekolah Hijau MPSP.

2. Pada tahun ini, bilangan penyertaan telah bertambah. Jumlah penyertaan adalah seperti berikut bagi tahun 2010 hingga tahun 2015:

| TAHUN       | JUMLAH SEKOLAH |
|-------------|----------------|
| 2010        | 30             |
| 2011        | 36             |
| 2012        | 53             |
| 2013        | 86             |
| 2014        | 106            |
| <b>2015</b> | <b>141</b>     |

3. Selain itu, pada tahun ini bagi peringkat Sekolah Rendah, hadiah yang disediakan adalah:

- Johan (RM 2,000.00),
- Naib Johan (RM 1,600.00) dan
- Tempat Ketiga (RM 1,200.00) ,
- Dua (2) Anugerah Emas (RM 1000.00 / anugerah),
- Sembilan (9) Anugerah Perak ( RM 600.00/ anugerah) dan
- Sembilan (9) Anugerah Gangsa ( RM 300.00 / anugerah)

Untuk Sekolah Menengah, hadiah yang disediakan adalah :

- Johan (RM 2,000.00),
- Naib Johan (RM 1,600.00) dan
- Tempat Ketiga (RM 1,000.00)
- Enam (6) Anugerah Perak ( RM 600.00/ anugerah) ,
- Enam(6) Anugerah Gangsa ( RM 300.00/ anugerah).

Bukan itu sahaja, tetapi bagi menggalakkan program 5S dilaksanakan di sekolah-sekolah, pihak penaja juga menambahkan satu lagi kategori iaitu Anugerah Khas 5S untuk Sekolah Rendah dan juga Sekolah Menengah. Ini menjadikan jumlah bagi anugerah Khas adalah sebanyak 5 anugerah masing-masing untuk kategori sekolah rendah dan kategori sekolah menengah iaitu

- Amalan Sisa Sifar (RM 200.00 / kategori),
- Kebersihan dan Penghijauan (RM 200.00 / kategori ),
- Inovasi & Kreativiti (RM 200.00 / kategori ),
- Penglibatan Komuniti (RM 200.00 / kategori ),
- Program 5S (RM 500.00 / kategori ).

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Pasukan Kerja LA 21 telah berjaya menjalankan bengkel sekolah hijau sebanyak 32 kali bagi tahun ini. Bagi sekolah-sekolah yang

belum mengadakan bengkel ini, sila hubungi MPSP untuk menetapkan tarikh yang sesuai. Modul latihan termasuk ceramah kitar semula selama 1½ jam dan bengkel pengasingan sisa, pengkomposan, membuat jus buah-buahan tertapai (BIM) dan membuat sabun dengan minyak terpakai selama 1 jam. Jumlah masa yang perlu diperuntukkan hanya 2 ½ jam sahaja.

5. Saya difahamkan panel penilaian anugerah sekolah hijau telah mengambil masa selama 13 hari untuk pengauditan. Sebenarnya lawatan penilaian ini adalah lebih bertujuan bertukar fikiran penambahbaikan dalam program 4R serta memastikan program penjagaan alam sekitar tidak hanya statik dan ia sentiasa maju ke hadapan untuk mencapai 'sisa sifar' kelak. Saya kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua panel penilai yang terlibat dalam penilaian pada tahun ini.

6. Dalam tempoh enam tahun ini, pencapaian sekolah hijau amat membanggakan seperti sekolah telah menjadi pusat pengumpulan bahan-bahan kitar semula bagi komuniti, sisa kantin dan kebun dikomposkan, minyak masak terpakai tidak dibuang, penggunaan bahan-bahan mesra alam, dan sekolah juga menjadi lebih bersih

dan hijau. Selain itu, kreativiti dan inovasi pelajar bertambah terutama dalam penjimatan sumber.

7. Selain dari anugerah sekolah hijau, anugerah kitar semula juga diadakan pada tahun ini dan sebanyak 33 buah sekolah telah menyertai program ini. Majlis penyampaian akan diadakan sebelum cuti sekolah.
8. Untuk makluman semua, sejak tahun 2011 sehingga tahun 2015, jumlah tan sisa yang dikitar semula adalah seperti berikut:

| Tahun                   | Jumlah tan sampah yang dikitar semula | Kadar Kitar Semula | Jumlah penjimatan (Jumlah tan yang dikitar semula X RM20.20) |
|-------------------------|---------------------------------------|--------------------|--------------------------------------------------------------|
| 2011                    | 144,682.00 tan                        | 26.50%             | RM 2,922,576.40                                              |
| 2012                    | 157,286.54 tan                        | 29.80%             | RM 3,177,188.11                                              |
| 2013                    | 207,849.31 tan                        | 32.70%             | RM4,198,556.06                                               |
| 2014                    | 234,552.087 tan                       | 35.07%             | RM 4,737,952.16                                              |
| Sehingga September 2015 | 212,228.59 tan                        | 39.49%             | RM 4,287,017.52                                              |

9. Seberang Perai akan menjadi lebih bersih, hijau, sihat dan selamat jika warga Seberang Perai membudayakan 4R. Secara mudah konsep ini mengajak kita supaya memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barangan yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan.

Akhir kata, dengan mengamalkan kitar semula, pengkompoasan dan lain-lain aktiviti mesra alam ini, kita bukan sahaja dapat menjimatkan kos pengurusan sisa pepejal yang boleh digunakan untuk menambahkan kemudahan asas yang lain, tetapi kitar semula merupakan salah satu cara terbaik untuk kita bagi mendapatkan kesan yang positif kepada dunia yang sedang didiami ini.

Walaupun kita tidak dapat memberikan sumbangan yang besar kepada alam sekitar kita namun dengan menyertai program ini sebenarnya ia merupakan titik tolak kita mengekang pelbagai permasalahan yang bakal timbul kesan daripada ketidakcekan pengurusan sumber.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.